

16/06/2002

Pemuda Johor minta tambah Bumiputera di IPTS

JOHOR BAHRU: Pemuda Umno Johor menggesa kerajaan terus membantu menambah kemasukan bilangan pelajar Bumiputera di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) kerana jumlahnya masih rendah berbanding bilangan keseluruhan IPTS di negara ini.

Dianggarkan ada 700 IPTS termasuk 10 bertaraf universiti di seluruh negara dan sebahagian besar pelajarinya masih dikuasai bukan Bumiputera.

Ketua Pemuda Umno Johor, Ayub Rahmat, berkata kerajaan perlu menilai semula bilangan sebenar pelajar Bumiputera di IPTS, jika dibandingkan jumlah keseluruhan IPTS di negara ini.

Sambil menyokong kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa langkah mengenakan sistem kuota bagi pengambilan pelajar ke IPTS akan menyekat jumlah kemasukan lebih ramai mereka ke situ, beliau berkata, hanya beberapa IPTS tempatan yang majoritinya adalah pelajar Bumiputera.

"Kerajaan hendaklah memastikan bilangan pelajar Bumiputera yang dapat belajar di IPTS terus bertambah, bagi mengimbangi pelajar bukan Bumiputera.

"Ini termasuk membesarkan saiz tabung bantuan pendidikan supaya lebih ramai pelajar Bumiputera yang berkelayakan dapat belajar di IPTS, selain memperbanyakkan maklumat mengenai IPTS tempatan," katanya.

(END)